

Nilai Kehormatan dalam Drama Tersasar di Jalan-Mu

Value of Respect in A Malay Drama Scenes *Tersasar di Jalan-Mu*

NORAZLINA HJ. MOHD KIRAM & JUWAIRIAH OSMAN

ABSTRAK

Dalam masyarakat Melayu, kehormatan berkait rapat dengan maruah dan harga diri. Islam pula meletakkan nilai kehormatan di tempat yang tinggi dan suci kerana ia melambangkan kemuliaan di sisi Allah. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti babak-babak yang mengandung nilai kehormatan dalam drama *Tersasar Di Jalan-Mu*, dan menganalisis babak-babak yang mengandung nilai kehormatan berdasarkan kerangka pemikiran Ali Jarishah (1990). Sebanyak 23 babak telah dianalisis dan dibahagikan kepada tujuh jenis kehormatan, iaitu darah, harta benda, maruah, kezaliman, perpecahan, wanita dan amanah. Dapatkan kajian menunjukkan kehormatan jenis ‘maruah’ paling tinggi kekerapannya, iaitu sebanyak 20 babak berbanding dengan jenis yang lain. Kajian juga mendapati drama ini mengetengahkan isu kaum wanita yang sering dipandang rendah dan dipergunakan oleh kaum lelaki.

Kata kunci: Nilai kehormatan; jenis kehormatan; drama *Tersasar Di Jalan-Mu*; kerangka konsep Ali Jarishah

ABSTRACT

In Malay society, the word respect is often being associated with dignity and self-esteem. Islam has put the value of respect at the utmost sacred level because it illustrates the solemnity besides Allah. In accordance with that, this study aims to identify a Malay drama scenes in “Tersasar Di Jalan-Mu” that have the value of respect, and to analyze the scenes based on a conceptual framework introduced by Ali Jarishah (1990). 23 scenes related to the concept have been analysed and divided into seven different types of respect: blood, assets, dignity, cruelty, cleavage, women and responsibility. The finding reveal that the category of dignity is the highest frequency of 20 scene compared to other categories. The study also shows that women are often looked down and used by men.

Keywords: Value of respect; types of respect; drama “Tersasar Di Jalan-Mu”; Ali Jarishah conceptual framework

PENGENALAN

Setiap agama menyeru pengikutnya supaya mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian. Nilai-nilai murni ini bertujuan untuk membentuk kehidupan manusia menjadi lebih baik dan berakhhlak mulia (Wan Mohd. Zahid 1988). Secara asasnya, nilai merupakan sebahagian daripada kebudayaan kerana nilai merujuk kepada keupayaan manusia membuat perbezaan dan pemilihan serta memberi penghargaan, kedudukan dan status yang berbeza apabila berada dalam keadaan untuk membuat pemilihan tentang sesuatu perkara (Robiah Sidin & Juriah Long 1998). Salah satu daripada nilai-nilai murni ini termasuklah nilai hormat-menghormati antara satu sama lain. Dalam konteks yang lebih luas, nilai hormat ini menjadi lambang sensitiviti dalam ruang lingkup kehidupan setiap masyarakat khususnya orang Melayu. Hal ini selari dengan pandangan Zainal Abidin Safarwan (2002) yang mendefinisikan kehormatan

sebagai kemuliaan, nama baik, harga diri, kesucian wanita, maruah, dan martabat. Sehubungan dengan itu, nilai kehormatan diamalkan dalam banyak perkara seperti dalam komunikasi lisan dan bukan lisan (Paskalis Belawan 2009). Menurut Ali Jarishah (1990:26), kehormatan merupakan satu perkara yang luas dan bukan menjaga maruah diri semata-mata. Dalam hubungan ini, Ali Jarishah telah membahagikan nilai kehormatan kepada tujuh perkara, iaitu darah, harta benda, maruah, kezaliman, perpecahan, wanita dan amanah. Menurut Islam, kehormatan merangkumi semua perkara dalam kehidupan yang perlu dipelihara dengan sebaik-baiknya terutamanya dalam menjaga hubungan. Ia meliputi hubungan manusia dengan Allah (*hablumminnallah*), hubungan manusia dengan manusia (*hablumminnannas*) dan hubungan manusia dengan alam (*khalifatul ard*).

Salah satu medium untuk meneliti nilai kehormatan orang Melayu adalah menerusi drama. Drama yang ditayangkan di televisyen

sering memaparkan kehidupan masyarakat yang sebahagian besarnya dikaitkan dengan dunia realiti. Secara umumnya, drama adalah cerita rekaan yang diadaptasi dari dunia realiti dengan tujuan untuk mendidik, memberi ilmu pengetahuan, menghibur dan merangsang fikiran. Menurut Jusang Bolong (1998), siaran drama Melayu merupakan program yang mendapat perhatian pengamal media. Ini kerana drama dapat menyalurkan imej-imej budaya bangsa melalui tema-tema yang menarik dan mengikuti perkembangan semasa. Maka, persoalan atau isu yang dikupas dalam drama sering melingkari kehidupan harian penonton. Selain itu, penceritaan yang terkandung dalam drama mampu mendidik masyarakat terutama golongan kanak-kanak dan remaja. Mana Sikana (2006:310) menyatakan, pendidikan drama haruslah mengambil kira aspek pembentukan nilai sahsiah dan sikap di samping meninggalkan kesan psikologi seperti kesenangan, hiburan, dan penikmatan yang artistik. Sesebuah drama yang baik harus mengandungi pengalaman fizikal dan spiritual yang kreatif dan gambaran hidup yang realistik dan intelektual. Drama yang sebegini dapat membuka perspektif pemikiran manusia, melebarkan kesedaran, dan membantu menyelesaikan masalah hidup. Dengan kata lain, instrumen drama juga tidak seharusnya digunakan untuk membuatkan masyarakat ‘bergelak-tawa’ tanpa kering gusi dan meraih keuntungan semata-mata. Malah, ia perlu mengutamakan nilai yang bersandarkan kepada ilmu yang betul khususnya nilai kehormatan yang sebenar. Hal ini ditegaskan lagi oleh Mahadi (2010:55) yang menyatakan, “*Kita tidak akan dapat penonton berbudaya dan berilmu kerana kita tidak mendidik masyarakat kita untuk menjadi manusia yang sukakan ilmu. Sebab itulah semua bentuk persembahan termasuk filem dan seni persembahan lain hanya dilanggan oleh golongan yang mencari hiburan mudah semata-mata. Orang yang berbudaya tinggi dan berilmu tidak akan dapat menikmati sesuatu yang rendah kandungan keilmuan sesebuah karya, dan apa-apa sahaja formatnya*”.

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis babak-babak yang mengandung nilai kehormatan dalam drama *Tersasar Di Jalan-Mu* dengan menggunakan kerangka pemikiran Ali Jarishah (1990).

PERNYATAAN MASALAH

Pada masa kini, bahan yang dipersembahkan menerusi media elektronik semakin mendapat

tumpuan daripada pelbagai golongan. Salah satu elemen hiburan tersebut adalah drama televisyen. Drama televisyen sering menjadi pilihan kerana mudah ditonton, kos yang rendah dan jalan cerita yang berkaitan dengan kehidupan realiti masyarakat. Menurut Said Halim Said Nong (1988), jalan cerita drama mengandungi nilai-nilai positif dan negatif. Namun, nilai negatif dalam drama lebih mudah mempengaruhi pemikiran dan cara hidup penonton. Realitinya, mesej yang tidak baik memang mudah menjadi ikutan masyarakat terutamanya dalam kalangan generasi muda. Jalan cerita sesebuah drama mengandungi dialog, aksi, dan lakonan yang mengetengahkan nilai positif dan negatif. Namun, nilai tersebut kurang dibezakan dengan jelas dan tidak menyampaikan mesej yang digariskan oleh Islam (Abdul Rahman Napiah 1987). Hal ini boleh mengelirukan dan memberi impak yang negatif kepada penonton (Paskalis Belawan 2009). Maka, kajian tentang nilai kehormatan ini diharap dapat menarik perhatian pembaca untuk sama-sama meneliti drama Melayu yang ditayangkan di kaca televisyen. Sesuatu mesej yang disampaikan melalui drama seharusnya menjadi iktibar kepada penonton, ibarat kata pepatah; “yang baik dijadikan tauladan yang jahat dijadikan sempadan”.

SOROTAN KAJIAN

Kajian tentang bahasa dalam drama realiti tidak banyak dikaji jika dibandingkan dengan kajian karya sastera bercetak seperti puisi, pantun, sajak, gurindam, skrip drama bercetak dan sebagainya. Sedangkan drama merupakan medium yang paling diminati oleh masyarakat tempatan (Mana Sikana 2006:58). Oleh itu, sebagai pengkaji kita perlu mengambil kesempatan ini untuk memberi ilmu yang bermanfaat dan berkesan kepada pembaca dengan menghasilkan kajian mengenai drama. Misalnya, Mana Sikana (1995:126) pernah menulis tentang stail dialog dalam drama pentas tetapi belum pernah meneliti aspek dialog mahupun lakonan dalam drama televisyen. Jusang Bolong (1998) pula telah mengkaji perubahan kognitif dan tingkat interaksi penonton dengan drama Melayu di televisyen menerusi drama bertajuk *Jutawan Segera*. Dalam kajian tersebut, Jusang cuba mengenal pasti tingkat interaksi penonton dengan drama Melayu di televisyen dan perubahan kognitif yang berlaku. Hasil kajian menunjukkan tingkat interaksi penonton pada tahap menonton, membaca/menginterpretasikan dan mengguna adalah tinggi. Walau bagaimanapun, tidak terdapat perbezaan yang

signifikan perubahan kognitif (perubahan darjah ketepatan imej orang Melayu) sebelum dan selepas menonton drama *Jutawan Segera*. Selain itu, Ummi Hani Hassan (2010) dalam kajian sarjananya yang bertajuk, “Drama Dakwah di Malaysia: Kajian Tentang Proses Penulisan Skrip”, mendapati drama dakwah yang baik bertitik-tolak daripada sebuah skrip dakwah yang baik dan berkualiti. Ini bermula daripada seorang penulis yang berilmu, menghayati agama Islam, mempunyai pengalaman yang luas dalam dunia skrip, bertanggungjawab dan berhati-hati ketika proses penulisan berlaku. Kesan daripada kriteria tersebut penulis dapat menghasilkan sebuah skrip drama dakwah yang baik dan mendapat tempat di hati masyarakat.

METOD KAJIAN

Kajian ini menggunakan drama *Tersasar Di Jalan-Mu* karya Erma Fatima (2009) sebagai bahan kajian. Drama ini telah memenangi Anugerah Drama Terbaik dalam majlis Anugerah Skrin yang dianjurkan oleh TV3 pada tahun 2009. Data dianalisis berdasarkan komunikasi verbal (lisan) dan nonverbal (bukan lisan) melalui watak-watak dalam drama. Setiap dialog telah di transkripsi dalam bentuk penulisan supaya lebih jelas dan mudah untuk dikaji. Secara keseluruhannya, tempoh tayangan drama *Tersasar Di Jalan-Mu* adalah 1 jam 30 minit. Sebanyak 23 babak telah dikenal pasti mengandungi nilai kehormatan dan dianalisis dengan menggunakan kerangka konsep Ali Jarishah (1990). Data kemudianya telah dikategorikan kepada tujuh jenis kehormatan, iaitu darah, harta benda, maruah, kezaliman, perpecahan, wanita dan amanah.

KERANGKA KONSEP ALI JARISHAH (1990)

Ali Jarishah dalam bukunya *Kehormatan Hak-Hak Manusia Menurut Islam, Suatu Kajian Perbandingan* (1990) telah membincangkan tentang jenis-jenis kehormatan dengan berpandukan kepada al-Quran dan hadis Rasulullah SAW. Jenis-jenis kehormatan ini dikategorikan kepada tujuh iaitu darah, harta benda, maruah, kezaliman, perpecahan, wanita dan amanah. Perincian tentang jenis-jenis kehormatan tersebut adalah seperti berikut:

1. Darah

Darah dikaitkan dengan nyawa setiap manusia dan mesti dihormati. Ia terbahagi kepada tiga jenis iaitu haram bunuh, haram luka dan haram

seksa. Haram bunuh membawa maksud manusia dilarang untuk membunuh dan mencederakan manusia lain tanpa sebab yang dibenarkan oleh Islam.

2. Harta Benda

Dalam kehidupan di dunia ini, sudah menjadi sifat manusia yang suka kepada harta benda. Harta benda melambangkan kesenangan hidup manusia sekali gus memberi penghormatan kepada pemiliknya. Islam membenarkan umatnya untuk mengumpul harta sebanyak mana yang diinginkan tetapi harta benda tersebut mestilah menepati tiga syarat, iaitu: sumber yang halal, dibelanjakan untuk kebaikan dan tidak menyalahgunakan harta.

3. Maruah

Maruah merupakan lambang kehormatan setiap manusia. Orang yang bermaruah akan dipandang tinggi di dunia dan di akhirat. Maruah yang dimaksudkan di sini bukanlah menjaga aurat tubuh badan semata-mata tetapi mempunyai definisi yang sangat luas. Terdapat lapan perkara yang berkaitan dengan maruah, iaitu syahid bagi orang yang membela maruah, dilarang menghampiri zina, berzina, menuduh orang berzina dan hukumannya, adab berziarah ke rumah orang, dilarang prasangka buruk, menutup aib, dilarang bersikap megah, dendki dan benci, dilarang bersikap zalim, memalukan dan menghina orang.

4. Kezaliman

Kezaliman terbahagi kepada dua, iaitu haram kezaliman dan wajib pengadilan serta persamaan dan kebebasan termasuk keadilan. Haram kezaliman dan wajib pengadilan bermaksud manusia tidak dibenarkan menzalimi orang lain kerana ianya berdosa besar. Maka, mereka yang melakukan kezaliman wajib menerima pengadilan atau hukuman yang setimpal. Hakim yang mengadili sesuatu kesalahan pula mestilah adil dan saksama. Hal ini bagi menjaga hak dan menghormati mereka yang dizalimi.

5. Perpecahan Muslimin

Islam telah menggariskan beberapa perkara, tentang kepentingan ikatan persaudaraan sesama manusia, iaitu Allah SWT menyuruh hamba-Nya hidup bersatu-padu kerana hubungan persaudaraan yang kuat melambangkan keimanan yang tinggi dan menjadikan masyarakat itu dihormati. Perpecahan akan menjadikan sesuatu masyarakat itu mundur, tidak dihormati dan tidak dapat membangunkan kehidupan yang baik.

6. Wanita

Penghormatan tertumpu kepada hal-hal yang berkaitan dengan hubungan suami, isteri dan ibu, iaitu:

- a. Ketinggian pengorbanan ibu dan isteri
- b. Kepentingan mendidik isteri dan anak-anak perempuan
- c. Menghargai isteri sebagai anugerah dari Allah SWT
- d. Akhlak suami kepada isteri
- e. Nafkah suami kepada isteri
- f. Poligami

7. Amanah

Sifat amanah terhadap tugas dan tanggungjawab yang diberikan dan dilarang melakukan pengkhianatan terhadap tanggungjawab yang diberikan. Orang yang amanah bukan sahaja

mendapat kemuliaan di sisi Allah tetapi juga dihormati oleh orang lain.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian menunjukkan terdapat 23 babak dalam drama *Tersasar Di Jalan-Mu* mengandung nilai kehormatan seperti yang ditunjukkan dalam Lampiran 1. Manakala Jadual 1 di bawah menunjukkan senarai 23 babak dan jenis kehormatan yang terlibat. Analisis juga menunjukkan kebanyakan babak mempunyai lebih daripada 1 jenis kehormatan. Dalam bahagian perbincangan pula, contoh-contoh babak akan diuraikan dengan lebih mendalam berdasarkan kerangka konsep Ali Jarishah (1990).

JADUAL 1. Babak dan jenis kehormatan

Babak	Jenis Kehormatan (Ali Jarishah 1990)						
	Maruah	Wanita	Kezaliman	Amanah	Darah	Harta Benda	Perpecahan
1.	✓	✓	✓		✓		
2.	✓		✓		✓		✓
3.	✓				✓		
4.	✓	✓			✓		
5.		✓					
6.	✓				✓		✓
7.	✓		✓			✓	✓
8.	✓						
9.	✓	✓	✓			✓	
10.	✓		✓			✓	
11.	✓						✓
12.	✓				✓		
13.	✓		✓				
14.	✓				✓		✓
15.	✓				✓	✓	
16.	✓						
17.	✓	✓	✓			✓	
18.	✓						
19.	✓						
20.		✓			✓		✓
21.	✓						
22.	✓				✓		
23.					✓	✓	

PERBINCANGAN 1: KEHORMATAN JENIS MARUAH

Dapatan kajian menunjukkan, kehormatan jenis “maruah” adalah yang paling banyak digunakan dalam babak drama *Tersasar Di Jalan-Mu*. Daripada 23 babak, 20 daripadanya mengandung kehormatan jenis maruah. Maruah atau harga diri merupakan nilai yang sangat penting dalam kehidupan orang Melayu khususnya masyarakat Melayu tradisional. Menjaga maruah bolehlah ‘disamaertikan’ dengan menjaga kehormatan untuk diri, keluarga dan masyarakat. Walau bagaimanapun, masih ramai dalam kalangan orang Melayu terutamanya yang cetek pegangan agama tidak menjaga maruah diri sendiri dan orang lain. Misalnya dalam Babak 1, Ghani telah menggadaikan maruah isterinya dengan melacurkan Jamilah untuk mendapatkan wang dengan cara yang mudah. Ghani beranggapan bahawa isteri adalah hak suami sepenuhnya dan isteri pula wajib patuh kepada arahan suami. Oleh itu, Ghani memperlakukan Jamilah dengan sesuka hati dan tidak memberi penghormatan yang sewajarnya kepada Jamilah. Hal ini dapat diperhatikan melalui kata-kata Ghani, “Kalau tak kerja, tak makan tau. Aku ni bukan barua kau. Nak bela kau je kerja aku! (menolak Jamilah ke lantai)”. Perkataan “barua” bermaksud “hamba” atau “kuli”. Dalam hubungan ini, Ghani meletakkan tanggungjawab mencari nafkah ke atas isterinya tanpa mengira sumber tersebut halal atau haram. Hakikatnya, suami wajib mencari dan memberi nafkah kepada isterinya melalui sumber yang halal. Perbuatan Ghani ini sangat memalukan orang Melayu secara keseluruhannya kerana ia melambangkan orang Islam yang tidak beriman kepada Allah. Seterusnya, Ghani tidak layak menjadi suami kepada Jamilah kerana tidak tahu menjaga maruah dan aib isteri.

Menurut Tenas Effandy, adat resam Melayu memberi kesetaraan hak antara lelaki dan wanita. Sehubungan itu, kedudukan kaum wanita hendaklah dipelihara supaya tidak dipandang rendah oleh orang lain. Budaya Melayu sangat menghormati dan memuliakan martabat dan maruah kaum wanita seperti ungkapan adat, “Apa tanda Melayu jati, maruah perempuan ia hormati” dan “Apa tanda Melayu pilihan, tahu memelihara maruah perempuan” (2001:5-6). Dalam hubungan perkahwinan, pasangan suami isteri mestilah sentiasa menjaga maruah pasangan masing-masing dengan mengamalkan sikap hormat-menghormati. Rasa hormat ini boleh ditunjukkan melalui tingkah laku dan tutur kata yang lembut dan sopan. Walau bagaimanapun,

Babak 9 dalam drama menunjukkan kepincangan dalam hubungan suami isteri sehingga hilang rasa hormat antara pasangan. Misalnya, Ghani telah mengeluarkan kata-kata yang kesat dan mengaibkan Jamilah. Hal ini dapat diperhatikan melalui dialog, “Dah memang kau ni perempuan tepi jalan. Sedarlah diri tu sikit!” “Aku kata kerja, kerjalah! Kau nak duduk mengangkang je ke, ha! dan “Kurang ajar, Aku yang kutip kau tau”. Perkataan seperti, “perempuan tepi jalan”, “mengangkang je ke” dan “aku yang kutip kau tau” merupakan satu penghinaan kepada kaum wanita apakah lagi jika yang mengucapkan kata-kata tersebut adalah suami sendiri.

Kerangka konsep Ali Jarishah juga ada menjelaskan tentang perbuatan zina dan hukuman zina dalam kehormatan jenis maruah. Dalam konteks kajian, jalan cerita drama *Tersasar Di Jalan Mu* juga ada memaparkan persoalan zina melalui babak aktiviti pelacuran seperti dalam Babak 1, 4 dan 6. Dalam Babak 1, Ghani sering memukul Jamilah kerana menolak untuk melacurkan diri. Bagi Jamilah pula, dia rela diperlakukan sedemikian rupa asalkan dia terlepas daripada melakukan maksiat. Hal ini dapat diperhatikan melalui dialog, “Aku tak nak, Ghani! Aku bukan datang sini nak buat kerja laknat ni! Argh...” Menurut Ali Jarishah (1990:29), orang yang memperjuangkan kehormatannya walaupun nyawa sendiri terancam boleh dianggap sebagai “shahid”. Hal ini sepetimana yang dinyatakan, “Sesiapa yang menebus maruahnya dengan jiwa, nescaya jadilah dia seorang yang shahid, sama ada lelaki atau wanita”. Memang benar sabda Rasulullah SAW, “sesiapa mati kerana membela maruahnya, nescaya jadilah shahid”. Perbuatan melacur atau berzina tergolong dalam dosa besar yang dimurkai oleh Allah SWT. Hukuman zina bagi mereka yang sudah berkahwin adalah lontaran dengan batu sampai mati dan hendaklah sekumpulan orang mukmin menyaksikan ketika penzina dihukum seksa (1990:29). Sesungguhnya, isteri perlu mentaati suami dalam semua perkara kecuali perkara-perkara yang bertentangan dengan hukum-hakam Islam. Maka, tindakan Jamilah yang enggan menurut perintah suaminya untuk melakukan perbuatan zina mestilah dicontohi oleh wanita Islam yang lain.

Seterusnya, perbuatan menjatuhkan maruah dan air muka orang lain juga amat dibenci oleh Islam. Dalam Babak 21, Yasir telah menjatuhkan maruah Milda di hadapan khalayak ramai. Hal ini dapat diperhatikan melalui dialog, “Tu lah korang. Orang suruh jadi jantan, korang nak jadi betina! Aku betul-betul tak fahamlah dengan

spesies korang ni". Perkataan "jantan", "betina" dan "spesies" sepatutnya digunakan pada haiwan. Apabila ia ditujukan kepada manusia, sifatnya adalah kasar dan kesat serta menjatuhkan maruah individu tersebut. Dalam kesantunan berbahasa, ayat yang tersebut di atas merupakan tabu atau menjadi pantang larang dalam komunikasi. Islam menganjurkan umatnya agar sentiasa mengucapkan kata-kata yang baik semasa memberikan nasihat, pandangan dan kritikan. Dalam hal ini, Ali Jarishah (1990:31) telah memetik hadis riwayat al-Bukhari, iaitu "sesungguhnya Allah bukan menilai jasad kamu, rupa paras kamu, tetapi ia menilai hati kamu". Ini bermaksud setiap daripada manusia dilarang menghina orang lain dengan sesuka hati berdasarkan rupa luaran seseorang. Sekiranya seseorang itu melakukan dosa, maka orang yang memberikan teguran itu hendaklah menegur secara berhemah supaya orang yang ditegur itu tidak merasa tersinggung.

PERBINCANGAN 2: KEHORMATAN JENIS WANITA

Ali Jarishah (1990:38) telah memetik pesanan Rasulullah SAW mengenai wanita iaitu, "pertama, wanita pada kamu menjadi pembantu yang tidak memiliki sesuatu apa pun, kedua, kamu telah mengahwini wanita dengan amanah Allah, dan yang ketiga, kamu menuntut supaya dihalalkan kemaluan wanita dengan kalimah Allah Azza Wa Jalla". Islam menetapkan bahawa dosa seorang isteri ditanggung oleh suaminya. Hal ini membuktikan bahawa suami memainkan peranan yang penting bagi mendidik isterinya supaya menjadi isteri yang taat. Dalam konteks drama, adalah menjadi tanggungjawab Ghani sebagai seorang suami untuk menjaga kehormatan Jamilah, selaku isteri dan wanita yang mesti diutamakan dalam hidupnya. Sebaliknya, Ghani tidak menunjukkan perasaan malu terhadap perbuatannya sehingga sanggup melacurkan isteri sendiri. Hal ini dapat diperhatikan apabila Ghani dengan kasar menyatakan kepada Jamilah, "Dah memang kau ni perempuan tepi jalan (menampar lagi). Sedarlah diri tu sikit!" (menyepak). Menurut Norazlina Mohd Kiram (2010:13), tahap keimanan seseorang individu itu boleh diukur dengan melihat sejauh mana keteguhan individu itu memegang etika malu. Semakin kuat rasa malu seseorang itu untuk tidak melakukan perkara yang tidak baik, maka semakin kuat pula tahap keimanannya. Dalam hubungan ini, Ghani telah hilang sifat malu kepada

Allah dan tidak takut kepada hari pembalasan. Pada prinsipnya, Ghani telah menganiayai hidup seorang wanita yang juga isterinya.

PERBINCANGAN 3: KEHORMATAN JENIS KEZALIMAN

Dalam Babak 1 dan 9, Ghani telah memperlihatkan bahawa dia bukan sahaja tidak menghormati orang lain tetapi dirinya sendiri. Perbuatannya mengheret, menolak dan bergelut dengan isterinya Jamilah merupakan perbuatan yang zalim. Dalam budaya Melayu, ungkapan seperti, "tidak berhati perut" dan "berhati binatang" sangat sesuai digunakan untuk merujuk kepada perbuatan Ghani yang menzalimi isterinya. Seharusnya, dia menjadi "pelindung" kepada Jamilah seperti mana yang dituntut oleh agama. Menurut Ali Jarishah (1990:31), Islam mengharamkan umatnya bersikap zalim sebagaimana sabda baginda, "Allah mengharamkan kezaliman bagi dirinya, dan mengharamkannya pula di kalangan kamu. Janganlah kamu berlaku zalim", (Hadis Riwayat Muslim). Dalam Babak 13 pula, Alya telah dirogol oleh beberapa orang pemuda yang baru dikenalnya. Selain dirogol, gambar-gambar Alya dalam keadaan yang mengaibkan juga turut dirakam. Secara tidak langsung, pemuda-pemuda tersebut telah menzalimi Alya dengan melakukan perbuatan yang sangat menjijikkan.

Ali Jarishah juga telah menjelaskan larangan perbuatan mengugut dan mengancam orang lain dengan merujuk kepada sabda Rasulullah SAW iaitu, "janganlah kamu menakutkan seseorang Muslim kerana perbuatan yang demikian satu kezaliman besar" (Hadis Riwayat al-Bizar). Perbuatan mengugut dan mengancam ini boleh diperhatikan misalnya dalam Babak 2 dan 7. Dalam Babak 2, Ghani telah mengugut Milda melalui kata-katanya, "Hei, kau blahlah! Sebelum aku pijak kau nanti". Begitu juga dalam Babak 7, "Kau nak melawan aku lagi ek! Hei, kau cakap sebagai seorang jantan tau. Tempat ni tempat aku! Baik kau blah dari sini! Aku nampak kau lagi mampus kau aku kerjakan".

PERBINCANGAN 4: KEHORMATAN JENIS AMANAH

Islam menekankan bahawa sifat amanah adalah sifat yang mulia dan terpuji. Orang yang amanah akan mendapat penghormatan yang tertinggi daripada Allah. Menurut Ali Jarishah (1990:39),

sifat amanah terbahagi kepada dua perkara, iaitu menjalankan amanah dan dilarang mengkhianati amanah. Dalam konteks drama, persoalan tentang sifat amanah banyak berkisar kepada watak Ghani. Dalam hubungan ini, Ghani wajib menghormati dan menjaga Jamilah dengan baik kerana isterinya itu merupakan amanah Allah. Sebaliknya, Ghani telah ingkar dan mengkhianati amanah tersebut dengan mendera emosi, fizikal dan mental isterinya. Dalam Babak 5, Ghani menuturkan, “Kalau tak kerja, tak makan tau. Aku ni bukan barua kau. Nak bela kau je kerja aku!” Tanggungjawab mencari nafkah yang halal terletak di bahu suami. Tanggungjawab ini secara tidak langsung merupakan amanah yang dipersetujui sebaik sahaja seseorang lelaki itu menikahi pasangannya. Namun, perbuatan Ghani itu menunjukkan bahawa dia mempunyai akhlak yang sangat rendah seperti mana yang dinyatakan oleh Ali Jarishah (1990:39), “Tiada agama untuk orang yang tidak beramanah (hadis riwayat Imam Ahmad)”.

Dalam Babak 22, Jamilah, Ghani dan Maimun telah ditangkap oleh polis. Dalam keadaan yang terdesak itu, Maimun telah meminta bantuan Mami untuk menjaga anaknya Iman sepanjang ketiadaannya. Dengan kata lain, Maimun telah “mengamanahkan” Mami untuk menjaga anaknya. Dalam konteks kajian, Ali Jarishah menegaskan bahawa orang yang menerima amanah hendaklah menjaga amanah tersebut dengan sebaik mungkin. Jika amanah tersebut tidak dijaga dengan baik maka individu tersebut dianggap telah melakukan pengkhianatan. Dalam hal ini, timbul persoalan bagaimana Mami hendak menjaga Iman dengan baik jika kehidupannya sendiri tidak berlandaskan ajaran agama. Anak merupakan anugerah Allah yang cukup indah. Namun, baik buruk pekerti mereka bergantung kepada didikan yang diterima daripada ibu bapa mahupun penjaganya.

PERBINCANGAN 5: KEHORMATAN JENIS HARTA BENDA

Menurut Ali Jarishah (1990:28) setiap manusia suka kepada harta seperti wang ringgit, benda dan sebagainya. Namun harta tersebut mestilah datang daripada sumber yang halal dan digunakan untuk kebaikan. Drama *Tersasar di Jalan-Mu* banyak memaparkan perbuatan manusia yang menyimpang jauh daripada landasan agama. Misalnya, dalam Babak 1 Ghani menyara kehidupannya melalui aktiviti pelacuran. Hal ini dapat diperhatikan

melalui kata-kata Ghani kepada isterinya, “kalau tak kerja, tak makan tau”. “Kerja” yang dimaksudkan oleh Ghani di sini ialah bekerja sebagai pelacur. Oleh itu, pendapatan yang diperoleh haram untuk digunakan. Babak 20 pula, memaparkan pemikiran manusia yang cetek ilmu agamanya sehingga tidak memahami maksud “rezeki” yang sebenarnya sehingga berjudi dianggap sebagai perbuatan yang halal. Golongan ini berpegang kepada konsep “matlamat menghalalkan cara” dan sanggup mempermudahkan hukum agama. Hal ini dapat diperhatikan melalui perbualan Harun dengan isterinya seperti berikut:

Abang Harun: *Investment*. Kalau ada rezeki, adalah.

Mami: Tak ada maknanya. Rezeki tu usaha, bukan main nombor macam ni. Haram.

Abang Harun: Haram apa kebendanya! Haram tu pergi menembak. Ni pakai otak. Mengira. Matematik.. You meniaga, I mengira, biasalah.

PERBINCANGAN 6: KEHORMATAN JENIS DARAH

Menurut Ali Jarishah, kehormatan “darah” terbahagi kepada tiga jenis, iaitu haram bunuh, haram luka dan haram seksa (1990:26). Nyawa manusia merupakan hak mutlak Allah SWT dan ia perlu dihormati. Justeru, manusia tidak berhak mencederakan tubuh badan orang lain tanpa sebab yang dibenarkan Islam. Dengan kata lain, setiap manusia tidak berhak membunuh, menyeksa dan mencederakan orang lain. Ini selari dengan firman Allah SWT iaitu, “Sesiapa membunuh sesuatu jiwa tanpa hak jiwa, atau sebab kejahatan di bumi, maka dia seolah-olah membunuh seluruh manusia pula” (Surah Al-Ma’idah: ayat 32). Walau bagaimanapun, kajian mendapati kebanyakan babak yang dipaparkan dalam drama tidak mematuhi kehormatan jenis darah seperti yang dinyatakan oleh Ali Jarishah. Hal ini dapat diperhatikan dalam babak 1, 2, 7, 9, 10, 15, 17 dan 23. Babak 7 misalnya, menunjukkan Ghani telah bertindak kasar terhadap Milda dengan mengheret, menolak dan menendangnya. Perbuatan Ghani itu telah menyebabkan Milda mengalami kecederaan dan hidup terseksa. Dalam babak 15 pula, Mami telah memukul anaknya Aliya dengan teruk di hadapan orang lain. Perbuatan Mami ini bukan sahaja boleh mencederakan Aliya tetapi secara tidak langsung telah menjatuhkan air muka anaknya itu. Sebagai ibu, Mami seharusnya menangani permasalahan keluarganya secara

tertutup dan bijaksana serta mengambil kira perasaan anaknya itu.

PERBINCANGAN 7: KEHORMATAN JENIS PERPECAHAN MUSLIMIN

Ali Jarishah (1990) telah menjelaskan bahawa hubungan persaudaraan yang kuat melambangkan keimanan yang tinggi dan menjadikan masyarakat itu dihormati. Apatah lagi jika hubungan itu melibatkan saudara sesama Islam. Maknanya, umat Islam mestilah bersatu hati dalam hal-hal yang berkaitan dengan agama seperti hukum halal dan haram, baik dan jahat. Jika hal-hal yang sebegini tidak disepakati maka akan berlakulah perpecahan sekali gus menjadikan masyarakat Islam mundur berbanding masyarakat lain. Drama *Tersasar Di Jalan-Mu* banyak memaparkan perpecahan yang berlaku dalam kalangan orang Islam. Dalam konteks kajian, orang Melayu dilihat bermusuhan sesama sendiri dan tidak bersatu hati dalam hal keagamaan. Misalnya dalam Babak 2 dan 7 memperlihatkan Ghani bergaduh dengan Milda sedangkan mereka seharusnya hormat-menghormati di antara satu sama lain. Misalnya, “Kau nak melawan aku lagi ek! Hei, kau cakap sebagai seorang jantan tau. Tempat ni tempat aku! Baik kau blah dari sini! Aku nampak kau lagi mampus kau aku kerjakan (mengugut). Pondan keparat! Tak sedar diri! (menendang dengan kuat). Ingat!” Ghani dan Milda kedua-duanya merupakan orang Islam yang seharusnya menjalinkan persaudaraan. Malangnya, kedua-dua mereka tidak berpegang kepada ajaran al-Quran dan telah merosakkan imej individu Islam.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, nilai kehormatan merupakan nilai yang sangat penting dalam kehidupan manusia. Melalui nilai kehormatan manusia memiliki penghormatan. Penghormatan yang tertinggi adalah penghormatan daripada Allah SWT yang hanya dapat dimiliki jika kita mematuhi perintah-Nya dan meninggalkan larangan-Nya. Kerangka konsep Ali Jarishah (1990) yang mengetengahkan tujuh jenis kehormatan menepati apa yang dituntut oleh ajaran agama Islam. Dalam konteks kajian, drama *Tersasar Di Jalan-Mu* sememangnya wajar diangkat sebagai drama terbaik Anugerah Skrin TV3 kerana ia banyak mengupas isu kehormatan, terutamanya kehormatan orang Melayu. Dalam hubungan ini, kehormatan

jenis maruah paling banyak dipaparkan. Realitinya, semakin ramai manusia hari ini yang sanggup kehilangan maruah dan harga diri demi mencapai matlamat peribadi. Justeru, adalah diharapkan lebih banyak drama-drama yang bermutu seperti drama *Tersasar Di Jalan-Mu* dihasilkan supaya memberi iktibar kepada masyarakat. Dalam hubungan ini, pembikin drama perlulah mendapatkan pendapat atau panduan daripada pihak yang arif tentang agama dan budaya supaya hasilnya nanti tidak tersasar daripada landasan sebenar.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Napiah. 1987. *Drama Moden Malaysia, Perkembangan dan Perubahan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Quran al-karim.
- Ali Jarishah. 1990. *Kehormatan, Hak-hak Manusia Menurut Islam, Suatu Kajian Perbandingan*. Terj. Mohd Marzuqi Shafie. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Erma Fatima. 2009. *Drama Tersasar Di Jalan-Mu*. Penerbit: Rumah Karya Cipta Sdn. Bhd.
- Jusang Bolong. 1998. Perubahan Kognitif dan Tingkat Interaksi Penonton Dengan Drama Melayu di Televisyen, Analisis Drama “Jutawan Segera”. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Mahadi. 2010. Isu profileman di Malaysia. Dlm. *Dewan Budaya*. Hlm. 55.
- Manu Sikana. 1995. *Drama Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Manu Sikana. 2006. *Drama Melayu Tradisional, Moden dan Pascamoden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norazlina Mohd Kiram. 2010. Konsep Malu Orang Melayu dalam Novel Saga: Satu Kajian Sosiolinguistik. Tesis Ph.D. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Paskalis Belawan. 2009. Kehormatan sebagai Nilai dan Hak Asasi Manusia. http://mualang.wordpress.com/.../kehormatan_sebagai-nilai. Tarikh capaian: 13 Januari 2012.
- Robiah Sidin & Juriah Long. 1998. *Nilai Budaya Masyarakat Desa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tenas Effandy. 2001. *Jender dalam Adat dan Budaya Melayu*. Indonesia: Pekanbaru.
- Said Halim Said Nong. 1988. *Drama Melayu Televisyen Malaysia: Satu Penilaian, Perkembangan dan Peranan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ummi Hani Abu Hassan. 2010. Drama dakwah di Malaysia: Kajian Tentang Proses Penulisan Skrip. Disertasi Sarjana. Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Universiti Malaya.
- Wan Mohd Zahid Mohd Noordin. 1988. Ke Arah Perlaksanaan Nilai-nilai Murni: Dalam KBSM: Falsafah Pendidikan Negara. Kertas Kerja dalam Seminar Nilai-nilai Murni Merentas Kurikulum Dalam KBSM, 3-4 Disember. Penerbit : Universiti Pertanian Malaysia.
- Zainal Abidin Safarwan. 2002. *Kamus Besar Bahasa Melayu*. Penerbit: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

LAMPIRAN 1

Babak dan jenis kehormatan dalam drama *TERSASAR DI JALAN-MU*

Bil.	Babak	Jenis Kehormatan
1.	<p>Ghani mengheret isterinya, Jamilah di koridor rumah tumpangan kerana dia enggan untuk melacur. Jamilah: Argh... (diheret dan dipaksa melacur). Ghani: Kalau tak kerja, tak makan tau. Aku ni bukan barua kau. Nak bela kau je kerja aku! (Menolak Jamilah ke lantai). Jamilah: Argh... Aku sakit Ghani. Tolong Ghani. Ghani: Mengada-ngada lebih. Sakit sikit aje.</p> <p>Minit: (04:12 – 05:00)</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Maruah, - Wanita - Kezaliman - Darah
2.	<p>Ghani: Hei. Kau buat apa kat sini? (nada marah). Milda: Hei, Ghani. Kau buta ek. Kau tak nampak aku tengah minum ni. Ghani: Berapa kali aku dah cakap. Aku tak suka kau cari makan kat sini. Berambus ar... (Mami dan suaminya melihat dengan tidak puas hati kerana Ghani menghalau pelanggannya). Milda: Hei, Mami tak halau kitaorang. Yang kau nak kerek ni apasal! Ghani: Hei, kau blahlah! Sebelum aku pijak kau nanti (mengambil kerusi dan mengugut untuk membalingnya ke arah mereka). Milda dan rakan-rakan: Ah... (ketakutan). Mami: Hei, Ghani. Kau ni apasal ni, ha. Budak-budak tu tengah minum tau. Kau ni nak marah-marah ni kenapa? Ghani: Bukan nak minum Mami. Cari jantan. Tempat ni tempat aku. Aku tak sukalah. Hei, kau blah! Kau tunggu apa lagi! Aku sepak kang! (Mami memberi isyarat kepada Milda dan rakan-rakannya supaya pergi dari situ untuk mengelak Ghani mengamuk).</p> <p>Minit: (05:01 – 06:10)</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Darah - Maruah - Kezaliman
3.	<p>Aliya dan rakan-rakannya berpelesiran di pusat membeli-belah. Rakan 1: Tu la aku dah cakap, line tak clear. Kau ni degil la. Rakan 2: Hei, aku tahu si cinta tu yang report kat cikgu. Dia lalu tadi masa kita hisap rokok. Aliya: Ee eleh, korang ni. Yang nak kecoh sangat apasal? Benda dah nak jadi. Senyap ar, apa lagi. Rakan 2: Kau cakap senanglah. Tapi kalau bapak aku tahu, masaklah aku kena belasah. Rakan 1: Belasah je diaorang tahu. Kita punya problem ada diaorang kisah. Salah je belasah. Aku dah fed up la macam ni! Aliya: Ee... Rileks ar. Sekarang ni kita kena fikir. Macam mana kita nak elakkan surat tu sampai kat mak bapak kita. Rakan 2: Hei, habis tu takkan kita nak tunggu depan rumah sampai posmen sampai. Nak buat macam tu? Rakan 1: Ah, tak ada kerja aku! Aliya: Ee... Apasal la pendek sangat kepala otak korang ni. Apa-apa pun kita jangan sampai mak bapak kita tahu. Itu je. Rakan 1: Habis tu kau nak suruh aku berpura-pura la pergi sekolah tiap-tiap hari. Macam tu? Rakan 2: Ah, macam tu? Aliya: Eh, apa lagi? Lepaklah! Senangnya kau cakap. Rakan 2: Macam mana ar?</p> <p>Minit: (12:26 – 13:26)</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Amanah - Maruah

4. Iman menaiki tangga ke rumahnya sambil membawa dua bungkus nasi campur untuk diberikan kepada ibunya, Maimun yang baru selesai melacurkan diri sedang memegang tangan seorang lelaki yang melangganginya. Iman memerhatikan perkara itu dan seolah-olah sudah memahami kehidupan ibunya itu.

- Maruah
- Amanah
- Wanita

Maimun: (sambil memegang tangan seorang lelaki) Esok datang lagi ya bang... (lelaki itu tidak melayani pertanyaan itu).

Iman: Mak, ikan tak ada. Iman beli ayam dengan udang (menunjuk bungkus makanan).

Maimun: Ah... (mengeluh kerana tidak membeli ikan). Kau makan dululah. Mak penat. Tidur dulu jep.

Iman: (Mengangguk dan melihat ibunya berjalan dengan letih).

Minit: (14:07 – 15:04)

5. Abang Harun: Dah terhegeh-hegeh lagi apa benda!

- Wanita

Mami: Habis, tolonglah keluarkan payung dalam tu...

Abang Harun: Nanti orang angkatlah.

Mami: Apalah bising tu, dari tadi lagi.

Abang Harun: Gas, ada tak gas, gas?

Mami: Ada. I dah masak dah tadi. Jangan sibuk.

Tiba-tiba, seorang pondan datang bersama-sama dengan seorang lelaki ke arah Mami untuk menyewa bilik.

Pondan: Mami...?

Mami: Ah! (menjawab dengan selamba).

Pondan: (suara gedik sambil memegang tangan seorang lelaki) Errmm... nak kunci?

Mami: Ayu...? (memanggil anaknya yang sedang menyusun kerusi).

Ayu: Ye mak...

Mami: Sini (menghulurkan kunci bilik kepada Ayu). Nah, 03.

Ayu: (bercakap kepada pondan itu) Hai, kak. Siang-siang pun nak tidur juga ke?

Pondan: Bukan nak tidur, nak suam-suam manja...

Abang Harun terus mengusik dan meraba Tuti. Tiba-tiba isterinya, Mami menyedari perbuatan sumbang tersebut.

Tuti: Ala, bapak ni...

Abang Harun: (menggelabah dengan jelingan isterinya) Apa dia ni? Macam nak habis je gas ni (buat-buat tengok gas).

Mami: (menghentak bekas minuman dengan kuat sebagai tanda marah).

Abang Harun: Apa ni? Ak Ala...

Tuti terus membuat kerja dan takut dengan muka bengis Mami.

Minit: (15:04 – 17:36)

6. Seorang pondan datang bersama-sama dengan seorang lelaki ke arah Mami untuk menyewa bilik.

- Maruah
- Amanah
- Harta Benda

Pondan: Mami...?

Mami: Ah! (menjawab dengan selamba)

Pondan: (suara gedik sambil memegang tangan lelaki itu) Errmm... nak kunci?

Mami: Ayu...? (memanggil anaknya yang sedang menyusun kerusi).

Ayu: Ye mak...

Mami: Sini (menghulurkan kunci bilik kepada Ayu). Nah, 03.

Ayu: (bercakap kepada pondan itu) Hai, kak. Siang-siang pun nak tidur juga ke?

Pondan: Bukan nak tidur, nak suam-suam manja...

Minit: (16:50 – 17:36)

7. Ghani: Kau sini! Berapa kali aku nak warning kau! Tapi kau degil, banyak kali aku dah cakap kan, tempat ni tempat aku! Kau tak boleh cari makan kat sini! (mengheret dan menolak Milda ke tepi jalan). Milda: Yang kau sibuk apasal, ni bukan tempat kau!
Ghani: Kau nak melawan aku lagi ek! Hei, kau cakap sebagai seorang jantan tau. Tempat ni tempat aku! Baik kau blah dari sini! Aku nampak kau lagi mampus kau aku kerjakan (mengugut). Pondan keparat! Tak sedar diri! (menendang dengan kuat). Ingat!
Milda: Argh...! (menangis dan mengerang kesakitan).

Minit: (17:37 – 18:07)

8. Mami: Ayu pergi beli ubat kuning tau, kat farmasi depan tu tau, cepat balik (mengambil air panas untuk merawat luka Milda).
Abang Harun: Kau dah tahu perangai dia, kau jangan layan. Lain kali apa dia cakap tu, kau anguk je. Kau pun menjawab pandai. Mana orang tu tak angin. Padan muka kau.
Mami: Besar sangat ke dia. Sampai kita nak takut pula kat dia.
Abang Harun: Ha, tengok, tak pasal-pasal aku nak gaduh dengan bini aku pula pasal kau. Tak ada hallah (beredar dari situ).
Milda: Sah, sah kita duduk situ je Mami. Bukan kita kacau pelanggan dia.
Mami: Dia yang mengada-ngada (sambil mencuci luka Milda).

Minit: (18:01 – 18:40)

9. Ghani memaksa isterinya, Jamilah untuk melacurkan diri walaupun dalam keadaan sakit. Mereka bergelut sesama sendiri.
Ghani: (memaksa dengan menarik kasar tangan Jamilah) Bangun, bangun!
Jamilah: Argh... argh... (diheret turun dari tangga ke luar dari rumah tumpangan).
Ghani: Aku kata kerja, kerjalah! Kau nak duduk mengangkang je ke, ha!
Jamilah: Aku tak nak, Ghani! Aku bukan datang sini nak buat kerja laknat ni! Argh... (menjerit dan melawan).
Ghani: (menampar) Kurang ajar. Aku yang kutip kau tau.
Jamilah : Sakit...!
Ghani: Dah memang kau ni perempuan tepi jalan (menampar lagi). Sedarlah diri tu sikit! (menyepak). Jamilah melarikan diri ke tempat lain untuk menyelamatkan diri daripada terus dibelasah. Ghani mengejarnya.

Minit: (18:42 – 19:40)

10. Pelacur: Dia datang, dia datang, dia datang nyah... (semua pelacur lari setelah melihat Ghani datang). Pelacur-pelacur lain: Dia datang, dia datang...! Ah... ah... (semua melarikan diri daripada kepada Ghani).
Jamilah: Sakit! Argh, sakit... (memeluk Mami).
Ghani: Milah, mari sini!
Mami: Hei, kau ni. Kau ni jantan ke apa, ha! Kau tahu dia sakit kan. Yang kau henyak-nyak dia tu pasal apa? Dah dia tak boleh buat kerja, kau tak boleh bagi dia rehat sikit ke?
Ghani: Mami, aku kata jangan campur urusan aku! Blah la! Mari sini kau (menarik dan menolak Jamilah ke lantai).
Jamilah: Argh... argh...!
Mami: Hei, kau nak bunuh dia ha! Kau nak bagi dia mati kat sini. Cubalah hati kau ni sikit. Jangan buat macam hati binatang, biarlah ada hati perut sikit kau ni!
Ghani: Mami, aku cakap jangan masuk campur urusan aku. Kalau tidak, aku belasah Mami nanti!

Minit: (20:01 – 21:00)

11. Ketua pengedar dadah: Woi, lain kali jangan masuk pot aku. Kita jumpa luar.
Yasir: Susahlah macam ni. Sekarang stok gua selalu habis. Lu orang pula selalu busy.
Ketua pengedar dadah: Lu ambil lebih sikitlah.
Yasir: Gua no hal. Lu kasi gua hutang dulu.
Ketua pengedar dadah: Hutang? Lu ingat bapak lu ada share? (menyindir).
Yasir: (marah dan terus beredara) Cau.

- Harta Benda
- Maruah

Minit: (21:39 – 23:08)

12. Rakan 1: Aku dah malaslah nak fikir. Bapak aku nak belasah, belasah ar... Susah-susah sangat, aku lari daripada rumah. Setakat kerja kat KL ni, bukan susah aku cari pun.
Rakan 2: Eh, betul... Tadi aku tengok banyak giler kat kedai, wanted salesgirl. Aku ingat kita try tengok nak?
Rakan 1: Emm... daripada kita melepak kat sini kan, apa kata kita try? Sekurang-kurangnya kan, kalau mak bapak kita dah halau nanti, kita dah ada kerja apa. Kata orang “sediakan payung sebelum hujan”.
Rakan 2: Betul tu, betul tu. Aku sokong seratus-peratus. Kita try tengok nak?
Rakan 1: Biasa je... Pelajar cemerlang gitu (bangga kerana pendapatnya diterima).

- Amanah
- Maruah

Minit: (23:52 – 25:06)

13. Pemuda-pemuda: Ha, ha, ha.... (semuanya mengerumuni Aliya yang telah khayal dengan dadah).
Pemuda 1: Kau ni cantik kan... cantik dia ni kan. (meraba-raba Aliya).
Pemuda 2: Cantik... (merakam gambar Aliya). Hei, umur kau berapa, umur? Eh, nama kau, nama kau?
Pemuda 1: Nama kau apa, nama kau siapa?
Aliya: Aliya... (cuba menepis tangan-tangan yang merabanya).
Pemuda-pemuda: Aliya... (terus mengusiknya). Umur berapa?
Aliya: 17 tahun...
Pemuda-pemuda: 17 tahun... Ha, ha, ha...
Pemuda 1: Favourite ni!
Pemuda-pemuda: Ha, ha, ha...
Aliya: Ahhh... Bak la balik handphone aku... Janji nak bagi handphone tu balik, sini...
Pemuda 2: O... kau nak handphone?
Aliya: Kau bukalah dulu.
Pemuda-pemuda: Ha, ha, ha...
Aliya: Nak buka apa...? (semakin khayal dan lemah).
Pemuda 1: Hei, buka satu-satulah...
Pemuda 3: Cepatlah, kitaorang dah tak sabar dah ni.
Pemuda-pemuda: Huyooo... (mereka menanggalkan baju Aliya).

- Maruah
- Kezaliman

Minit: (26:16 – 27:29)

14. Ayu sedang mengajar Iman mengeja tentang Rukun Negara di atas bumbung rumah mereka.
Mami: Ayu...! Balik, hari nak hujan (Ayu dan Iman pun turun).
Iman: Hai, abang Milda (menjelek seorang pondan yang sedang mencari pelanggan).
Milda: Kurang ajar kau eh! (marah dan mengejar Iman).
Iman: (dicubit) Aduh... hehehe.
Milda: Kau panggil aku abang lagi, kau siap.
Mami: Ayu, sini (dipanggil ibunya).
Iman: Abang Milda ni pun (bergurau).
Milda: Kakak, panggil aku kakak.

- Maruah
- Harta Benda
- Amanah

Mami memberi kunci kepada Ayu dan disuruh menunjuk bilik penyewa yang ingin melakukan pelacuran
Mami: Pergi hantar bilik 22. Naik tutup tingkap, hari nak hujan dah ni.
Ayu: Baik.
Mami: (mengaju kepada pelanggannya yang sedang berpelukan). Sudahlah tu. Pergilah naik ke atas dulu, wohhh...

Minit: (35:50 – 36:32)

15. Mami: Hei, Liya! Kau mai sini, mai sini kau, ha! (terus menarik telinga anaknya). Apa dah jadi dengan kau ni? Kau kena buang sekolah ye!
Aliya: Apa ni, mak... (menangis).
Mami: Aku dapat surat, kau merokok ye!(menampar).
Aliya: Argh....
Mami: Apa ni! Nak sangat jadi perempuan tepi jalan ye, ha! Kau nak bagi aku malu ke! Aku sekolahkan kau supaya kau jadi orang, bukan jadi perempuan tepi jalan.
Aliya: (dipukul dengan teruk depan warung maknya) Argh...
Abang Harun: Woi... (sedang bermain nombor ekor dan tidak suka dengan bebelan isterinya, Mami)
Mami: Diam!
Aliya: Argh... mak...
Abang Harun: Dahlah... Bisinglah! Pergi naik ataslah.
Mami: Kalau kau pilih nak jadi perempuan jalanan, kau tak payah nak menghabiskan duit aku!

Minit: (37:38 – 38:07)

16. Aliya terjumpa Jai dan rakan-rakan yang telah menodainya dan memberinya dadah. Mereka sedang - Maruah melepak dengan gadis-gadis yang lain pula.

Aliya: Hei, Jai. Sekejap (menarik baju Jai).
Jai: Kecoh ar perempuan ni.
Aliya: Hei, apa yang lu dah buat kat gua, ha?
Jai: Gua tak buat apa-apa, lu yang nak, gua kasihlah.
Aliya: Kasi apa?
Jai: Baranglah...
Aliya: Lepas tu?
Jai: Hei, lu tak rugi apa-apalah beb. Lu suka, gua pun suka. Lu puas gua pun puas (wajah seperti tidak bersalah). Habis cerita.
Aliya: Sekarang ni gua sakit, lu kena tanggungjawab!
Jai: Dalam hal ini, tak ada pun perjanjian gua kena tanggungjawab. Gua pun tak ada cakap gua suka kat lu.
Aliya: Tolonglah, gua sakit beb. Kali ni saja. Gua tak ada duit. Tolonglah.
Jai: Lu tak ada duit? Lu boleh bayar cara lain (sambil memandang tubuh Aliya).
Aliya mengangguk tanda setuju kerana dia ketagih dadah.

Minit: (42:15 – 43:40)

17. Ghani menendang isterinya di hadapan khalayak berdekatan warung Mami. - Wanita
Ghani: Hei, berapa kali aku dah cakap. Tempat ni tempat aku. Kau takkan terlepas. Ada hati nak lari, ha setan! (menendang isterinya, Jamilah). - Maruah
Jamilah: Argh...! Aku tak nak Ghani, aku nak balik kampung. Argh... - Darah
Mami: Hei! (marah dengan perbuatan Ghani). - Kezaliman
Jamilah: Kau buat aku macam binatang... Argh... (meraung).
Mami: Hei, Ghani. Laki apa kau ni, ha! Orang jaga bini, bukan jual bini. Binatang pun tahu sayang bini dia kau tahu tak!

Minit: (47:26 – 48:10)

18. Aliya pergi ke rumah Jai untuk merayu mendapatkan dadah. Di sana, terdapat dua orang gadis lain - Maruah yang sedang menagih dadah bersama-sama mereka.

Aliya: Jai... buka pintu ni, Jai.

Jai: Lu apa hal?

Aliya: Gua nak barang, tolonglah. Gua dah tak tahan.

Jai: Lu nak barang? Ok, no hal...

Pemuda 1: Dia nak apa?

Jai: Dia nak barang.

Pemuda 2: Haha... dia nak barang.

Jai: Woi, bagilah barang kat dia. Hahaha...

Pemuda 1: Kau cium dulu lutut aku ni. Hahaha...

Jai, rakan-rakannya mengacah-acah Aliya dengan dadah itu sehingga Aliya diperlakukan seperti pengemis dadah.

Minit: (50:00 – 52:16)

19. Mami: Kau tidur saja rumah Mami hari ni (sambil membawa air dan ubat untuk mengubati luka Jamilah). Kalau kau balik hari ni, memang nahas kau. Jantan gila tu memang nak belasah kau, kau tahu tak. Nah minum air ni.

Jamilah: (termenung dan tidak bermaya).

Mami: Mami tak sampai hati tengok kau macam ni, tau.

Jamilah: Dia kata dia cintakan aku.

Mami: Cinta apa kejadahnya macam tu. Orang cinta suci, bukan cinta nak belasah saja.

Jamilah: Dulu, memang dia kutip aku. Masa aku merempat kat kampung. Janji nak kahwin. Lepas tu... aku kena jual. Bapa aku mesti ingat aku bahagia kat sini, sedangkan aku hidup bergelumang dengan maksiat.

Mami: Tempat ni bukan tempat maksiat, tapi kita manusia ni yang buat maksiat.

Minit: (52:17 – 54:22)

20. Abang Harun dan isterinya, Mami sedang berbincang tentang nombor ekor.

- Wanita
- Harta Benda
- Amanah

Abang Harun: Cuba tengok ni. 3788. Kalau you bagi RM 2 macam mana I nak pusing.

Mami: You nak, tak nak. Kalau tak nak, potong lagi, RM 1 saja I bagi.

Abang Harun: RM 1 macam mana nak kaya.

Mami: Sejak you kahwin dengan I, dah boleh buat rumah batu dengan duit judi you ni.

Abang Harun: Investment. Kalau ada rezeki, ada lah.

Mami: Tak ada maknanya. Rezeki tu usaha, bukan main nombor macam ni. Haram.

Abang Harun: Haram apa kebendanya! Haram tu pergi menembak. Ni pakai otak. Mengira. Matematik.. You meniaga, I mengira, biasalah.

Minit: (01:07:43 – 01:08:18)

21. Mami membantu merawat luka Milda. - Maruah

Milda: Aku bukan apa. Dia pandai manjakan aku, sayangkan aku.

Pondan 1: Macam tak ada jantan yang kau boleh nak manja.

Milda: Aku geram sebab dia ajak aku kahwin. Tiba-tiba aku tengok ada sms perempuan dalam handphone dia. Aku rembat duit dia, terus dia belasah aku.

Mami: Apalah kau ni, Milda. Kau tu jantan, takkan kahwin dengan jantan. Apa gila kau ni...

Milda: Entahlah Mami. Dah naluri saya macam tu.

Mami: Milda... Bukan Mami nak hina kau, siapa-siapa pun Mami tak hina. Lahir-lahir kau dah lelaki.

Bukan senang nak dapat laki yang sayang kat kita. Yang nak seronok, mana-mana kau boleh dapat.

Milda: Saya tahu Mami. Sampai hati dia buat kat saya macam ni. Sampai dia cakap Tuhan telah melaknat saya 7 keturunan. Salah saya ke Mami, bukan saya yang nak jadi macam ni (menangis).

Anak Mami, Nasir tiba-tiba lalu di situ.

Nasir: Ni, apa hal ni. Kerja Ghani?

Pondan 2: Bukan Ghani. Balak dialah.

Nasir: Tu lah korang. Orang suruh jadi jantan, korang nak jadi betina! Aku betul-betul tak fahamlah dengan spesies korang ni.

Minit: (01:13:15 – 01:15:00)

22. Pihak polis membuat serbuan di Lorong Haji Taib. Mami dan suaminya bergegas menyuruh penyewa-penyewa bilik sewanya untuk keluar. Ramai pelacur yang lari bertempiari tetapi ramai yang berjaya ditangkap. Ghani juga ditangkap. - Maruah
- Amanah

Abang Harun: Woi... keluar, ada rush! (mengetuk semua pintu bilik sewa).

Iman: (melihat maknya juga ditangkap) Mak... mak... mak...!

Mami: (melihat Jamilah dan Ghani juga ditangkap) Jamilah, jaga diri baik-baik.

Jamilah: Aku puas, Mami. Aku puas.

Mami: Apa maksud kau, Jamilah?

Maimun: Mami, jaga anak aku, Mami. Iman, ikut Mami (Ayu dan Mami menyabarkan Iman).

Minit: (01:17:00 – 01:20:01)

23. Mami: Kenapa ni, Aliya? (rakan-rakan Aliya membawanya yang telah terlebih ketagihan dadah). - Darah
Abang Harun: Kenapa ni.
- Amanah

Mami: Nasir, tengok adik kau ni. Kenapa, Nasir?

Nasir: Dia overdos mak.

Mami: Overdos, apa!

Nasir: Dadah!

Mami: Adik kau tak ambil benda tu! (Memaksa rakan-rakan Aliya memberitahu) Kenapa dengan Aliya, mak cik merayu. Beritahu mak cik...?

Rakan 1: Aliya cakap dia ambil stok abang Nasir punya.

Mami: O... Jadi ni barang kau! (terus memukul Nasir bertubi-tubi)

Abang Harun: Liya.. Liya (memeriksa denyutan nadi)

Mami: Ha...ha... (terus memukul Nasir).

Abang Harun: Hei...hei... Aliya dah tak ada (memberitahu Mami dan terus menolak Nasir), bodohlah kau Nasir!

Ayu: Kakak....!

Nasir: (menangis dan menyesal)

Mami: (tergamam, terus terdiam dan terduduk, Abang Harun memeluk Mami)

Minit: (01:25:08 – 01:26:52)

*Dr. Norazlina Hj. Mohd Kiram
Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: noraz@upm.edu.my*

*Juwairiah Osman
Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: juwairiahosman@gmail.com*